

DATE: 13/8/2008

Usah main politik wang: Pak Lah

Presiden Umno bimbang gejala rasuah jejas perjuangan, rugikan parti

Oleh Azman Zakaria, Nurul Farina Nazlan dan Misiah Taib
bhnews@bharian.com.my

SERDANG: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan ahli Umno tidak terbabit dalam politik wang dan meminta yang melakukannya segera menghentikan perbuatan berkenaan.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno turut mengingatkan ahli tidak tersilap memilih pemimpin yang menggunakan politik wang kerana ia akhirnya akan merugikan diri sendiri dan perjuangan parti.

Beliau berkata, tiada makna sokongan dan kemenangan yang diperoleh menggunakan politik wang.

"Tidak tulin jika seseorang itu mendapat sokongan dan kemenangan kerana menggunakan politik wang.

"Duit bukan ukuran, kalau guna politik wang akhirnya kita kerugian. Lain kali masa depan kalau main politik wang, orang kaya saja yang boleh pegang jawatan.

"Orang yang tak kaya dan tak ada wang bukan tak boleh (jadi pemimpin), seolah-olah dia tak boleh jadi pemimpin, bukan kerana dia tak boleh jadi pemimpin tapi kerana dia tak gunakan wang.

"Ini perkara yang perlu kita ingat," katanya pada sidang media selepas merasmikan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan (Maha) 2008, di sini semalam.

Katanya, pemimpin mesti dipilih berasaskan kemampuan, kebolehan dan jasa membantu perjuangan parti yang akan memberi pemim-



JADI TUMPUAN: Abdullah dan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed bersama pemenang pertandingan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2008 di Serdang, semalam.

pin itu harapan terus maju dan berjaya dalam perjuangan, kedudukan dalam parti serta kerajaan.

Ditanya dakwaan hukuman terhadap pesalah politik wang oleh Lembaga Disiplin parti tidak membawa makna kerana mereka yang tamat menjalani hukuman boleh bertanding semula, beliau berkata, setiap hukuman ada had masa dan selepas itu bebas bergerak seperti sebelumnya.

Abdullah juga berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) boleh melakukan siasatan dakwaan politik wang dalam Umno bergantung kepada kes yang memerlukan pembabit badan berkenaan.

Ditanya mengenai laporan rasuah dan salah guna kuasa

yang didakwa membabitkan beliau dan timbalannya, Datuk Seri Najib Razak, Abdullah percaya dakwaan itu membabitkan pelan peralihan kepemimpinan kepada Najib.

Katanya, pelan peralihan itu diputuskan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) parti

“ Saya harap semua yang terbabit kegiatan itu hentikanlah. Tak ada erti populariti guna politik wang. Tak ada makna”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

yang mahu ia diumumkan.

Sementara itu di KUCHING, Abdullah mengingatkan wakil rakyat dan isteri mereka supaya tidak hanya berkhidmat apabila ada jawatan atau ketika menikmati pelbagai kemudahan.

Beliau berkata, mereka perlu bersedia meneruskan berkhidmat sepanjang masa.

"Keadaan tentulah lebih sukar (bagi isteri wakil rakyat) jika sekiranya suami tidak lagi berjawatan dalam kerajaan dan kemudahan yang dulu menyenangkan sudah tiada lagi.

"Dalam situasi ini, saya memuji kesungguhan sahabat kita dari negeri yang dipereintah pembangkang, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Kelan-

tan dan Selangor, yang komited untuk terus berbakti.

"Ini melambangkan semangat jiwa murni untuk terus berkhidmat kepada rakyat," katanya ketika berucap di jaman perdana Program Tahunan Isteri Wakil Rakyat Barisan Nasional Se-Malaysia (PTIWRBNSM) 2008 di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak, Petra Jaya di sini, malam tadi.

Hadir sama isteri Perdana Menteri, Datin Seri Jeanne Abdullah yang juga Yang Dipertua Bakti; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Laila Taib.